

31 AUG 1996

DR MAHATHIR DAN ISTERI LAWAT LEMBAH DANUM

LEMBAH DANUM (LAHAD DATU), 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Hasmah Mohd Ali petang tadi melihat keindahan hutan semulajadi Lembah Danum.

Dr Mahathir yang tiba dari Kota Kinabalu selepas upacara perbarisan Hari Kebangsaan pagi tadi menghabiskan masa hampir tiga jam meninjau sekitar hutan peliharaan di lembah itu yang terletak 80 km ke barat Lahat Datu.

Perdana Menteri dan rombongan menaiki pesawat khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke Lahat Datu dan kemudian menaiki helikopter Nuri TUDM sebelum tiba di Pusat Luar Lembah Danum.

Beliau disambut oleh Ketua Eksekutif Yayasan Sabah Datuk Musa Haji Aman. Yang turut mengiringi Perdana Menteri ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee.

Dr Mahathir diberi taklimat oleh Penasihat Korporat Kumpulan Yayasan Sabah, Tengku Datuk Dr Zainal Adlin Mahmood mengenai usaha konservasi yang dijalankan oleh Pusat Laut Lembah Danum di lembah itu, yang dipenuhi pelbagai spesis flora dan fauna.

Perdana Menteri dan rombongan akan bermalam di lembah itu sebelum pulang ke Kuala Lumpur petang esok. -- BERNAMA